

30/07/1997

Kerajaan ada bukti pembabitan Soros

LANGKAWI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan ada bukti jelas mengenai pembabitan tokoh kewangan Amerika Syarikat, George Soros, dalam serangan spekulatif mata wang di rantau ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, bukti itu adalah rahsia kerajaan yang tidak boleh didedahkan.

"Soros sendiri mengaku terbabit dalam spekulasi mata wang tetapi bukan disebabkan untuk menghalang kemasukan Myanmar (ke dalam Asean).

"Selain itu, ada pelbagai bukti jelas lain mengenai pembabitan Soros dalam spekulasi yang tidak boleh didedahkan oleh kerajaan.

"Tetapi agak sukar untuk menerima dakwaan Soros kononnya pembabitan itu hanya secara kebetulan saja kerana keadaan yang sama juga berlaku di Thailand," katanya selepas menerima kunjungan hormat ketua negara dan kerajaan yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID '97) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, ada bukti jelas spekulator tempatan terbabit dalam spekulasi ringgit untuk mengaut keuntungan besar berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Mengenai langkah yang boleh diambil terhadap spekulator tempatan, Perdana Menteri berkata: "Kerajaan sudah menerangkan kepada mereka mengenai implikasi akibat tindakan itu, tetapi mereka adalah fanatik yang melakukan sesuatu tanpa perlukan alasan.

"Orang tempatan sepatutnya tidak terbabit sama dalam serangan spekulasi ringgit kerana ia boleh menjejaskan ekonomi negara."

Beliau juga berkata, serangan ini bukan kali pertama kerana sebelum ini ia pernah berlaku dan turut membabitkan spekulator tempatan tetapi berjaya diatasi menerusi pembabitan Bank Negara.

Mengenai rumusan pertemuannya dengan Bank Negara dan beberapa bank utama lain minggu lalu, Dr Mahathir berkata, beliau perlu mengetahui mengenai keadaan semasa kerana tidak begitu arif mengenai spekulasi kewangan.

Beliau juga berkata, serangan ini bukan kali pertama kerana sebelum ini ia pernah berlaku dan turut membabitkan spekulator tempatan tetapi berjaya diatasi menerusi pembabitan Bank Negara.

Mengenai rumusan pertemuannya dengan Bank Negara dan beberapa bank utama lain minggu lalu, Dr Mahathir berkata, beliau perlu mengetahui mengenai keadaan semasa kerana tidak begitu arif mengenai spekulasi kewangan.

Beliau juga berkata, Bank Negara tidak perlu terus campur tangan kerana jika berbuat demikian, bank pusat itu perlu membelanjakan lebih banyak ringgit.

"Campur tangan itu merugikan kerana kita perlu jual mata wang dolar untuk beli ringgit yang nilainya rendah. Tetapi kita tidak hilang duit yang kita miliki, cuma rugi dari segi pertukaran," katanya.

Sementara itu, di NEW YORK, Soros menafikan bertanggungjawab dalam spekulasi yang menjatuhkan nilai mata wang Asean sejak beberapa minggu lalu.

Kenyataannya itu disiarkan hari ini, dalam satu temuramah dengan akhbar Financial Times, menjelaskan lagi ulasan Soros Foundations minggu lalu yang menafikan pembabitan dalam kejatuhan mata wang Asean.

Dr Mahathir menyalahkan Soros di atas kejatuhan mata wang Asean. Soros mahu menghukum negara Asean kerana menerima keanggotaan Myanmar.

Sejak beberapa minggu lalu, mata wang Thailand, Malaysia, Filipina, Malaysia, Indonesia dan Singapura jatuh kerana serangan spekulator yang

membangkitkan kestabilan kewangan menyeluruh di rantau itu.  
(END)